

# Fadzil: Majlis fatwa

UM 29 MAR 2001

**K**UALA LUMPUR 28 Mac Majlis Fatwa Kebangsaan perlu membuktikan dahulu sama ada Amanat Haji Hadi yang kononnya dipegang oleh para pengikut Pas menyeleweng dengan akidah sebelum tindakan mengenainya boleh diambil, kata Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Tegas beliau, tanpa sebarang arahan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan mengenai amanat itu, apa juga dakwaan yang dilemparkan terhadapnya adalah mengarut.

"Menyeleweng dari segi apa? Tunjukkan bukti

dulu, dia (Datuk Shafie Daud) mengarut saja, bohong besar.

"Suruhlah Majlis Fatwa buktikan di mana salah kenyataan (amanat) itu (kerana) UMNO sampai bila pun dia tak boleh terima," katanya ketika ditemui di Parlimen hari ini.

## Kukuh

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Shafie selaku Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Terengganu semalam yang menyatakan mereka mempunyai bukti kukuh

menunjukkan Amanat Haji Hadi bercanggah dan menyeleweng.

Shafie mendakwa, antara bukti sahih yang masih disimpannya ialah ucapan Abdul Hadi di Bukit Kulim, Marang pada tahun 1980 yang menyelewengkan ayat 281 surah al-Baqarah yang diberi makna sebagai "Tuhan mahu kita bergaduh dengan alasan parti itu sebagai Islam dan lawannya bukan Islam."

Fadzil sebelum ini menyatakan Pas tidak akan menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan menjadi punca kejadian

## perlu buktikan dulu

mengkafirkan ahli UMNO oleh para penyokong Pas.

Menurut Fadzil, jika benar Majlis Raja-Raja pernah mengeluarkan arahan mengenai Amanat Haji Hadi itu, ia perlu dikeluarkan semula kerana beliau (Fadzil) tidak tahu mengenainya.

"Kalau ada peraturan (mengenai Amanat Haji Hadi), suruh dia keluarkan skmula," katanya.

Mengenai pertemuan penyatuan Melayu antara UMNO dan Pas, Fadzil berkata, UMNO harus dipersalahkan jika pertemuan penyatuan Melayu

tidak dapat diadakan kerana enggan memenuhi baki dua prasyarat parti pembangkang itu.

"Kita mahu (pertemuan itu diadakan) tetapi kita minta dia penuhi dulu permintaan kita.

"Kalau dia (UMNO) tak nak penuhi permintaan kita maknanya dia lah yang salah," katanya.

## Bertemu

Beliau bagaimanapun tidak mahu mengulas gesaan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sebelum ini meminta Pas bertemu dahulu sebelum syarat-

syarat yang dikenakan itu boleh dibincangkan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa yang turut ditemui enggan mengulas lanjut mengenai pembatalan di saat-saat akhir pertemuan antara jawatankuasa teknikal UMNO dan Pas semalam.

Beliau bertegas menyatakan bahawa pertemuan itu tidak dapat diadakan kerana salah seorang daripada ahli jawatankuasa Pas tidak dapat hadir seperti yang dimaklumkan kepada jawatankuasa teknikal UMNO kerana terpaksa memenuhi hal penting yang lain.

"Ada seorang (ahli jawatankuasa teknikal Pas) yang tak ada, (jadi) tak cukup ahli kerana ada yang tak balik lagi, ada urusan lebih penting," katanya yang enggan memberikan nama ahli jawatankuasa tersebut.

Mengenai kemungkinan terdapatnya masalah komunikasi di kalangan ahli jawatankuasa Pas, Nasharuddin berkata, ia adalah masalah dalaman parti itu.

"Itu (masalah komunikasi) kita punya masalah, saya tak mahu komen sebab awak semua akan tulis lain," katanya.